

10/12/2001

Peruntukan RM3.3b akan dibelanja sepenuhnya: Sammy Vellu

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Kerja Raya akan memastikan semua projek membabitkan RM3.3 bilion yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2002 dibelanjakan sepenuhnya dalam tahun berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pelaksanaan semua projek akan dipastikan mengikut jadual dan tidak lagi dilengah-lengahkan bagi menjimatkan masa memandangkan jumlah projek kepada kementerian kali ini adalah lebih banyak.

"Saya kini sedang berbincang dengan pegawai di kementerian saya bagi memastikan peruntukan itu dibelanjakan sepenuhnya.

"Ini termasuk peruntukan untuk menggalakkan aktiviti pembinaan tetapi kita belum mendapat satu ketetapan daripada Kementerian Kewangan sama ada meminta melaksanakan projek baru.

"Corak Belanjawan 2002 sebenarnya dirumus bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara, terutama selepas kelembapan ekonomi berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas langkah kementerian membantu usaha kerajaan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu tidak lama dulu.

Katanya, usaha memapankan ekonomi negara daripada menghadapi kesan kelembapan ekonomi Amerika itu, antara lain, membabitkan pembinaan segera 200 sekolah, 193 kolej, empat universiti dan 6,600 rumah kediaman anggota tentera.

Kerajaan juga mengendalikan pelaksanaan projek prasarana dan kemudahan utama seperti Projek Empangan Hidro Elektrik Bakun; Projek Janakuasa Pulau Bunting, Kedah; Projek Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor dan Pelabuhan Barat, Klang.

Bagaimanapun, kata Samy Vellu, pelaksanaan sebarang projek baru mungkin mengambil sedikit masa kerana membabitkan kelulusan kontrak.

"Sekarang di sektor pembinaan, kita mempunyai lebih RM16.5 bilion untuk lima tahun ini (Rancangan Malaysia Kelapan).

"Tiap-tiap tahun kita mempunyai banyak duit tetapi ada masalah menyegerakan pembinaan kerana kerja tidak boleh dilakukan jika kontrak belum diberikan kepada mana-mana pihak," katanya.

(END)